

Naratif Sejarah Melayu

Salah kaedah tenggelamkan fakta

Pandangan hanya tumpu Munshi Abdullah, tetapi melupakan Raja Ali Haji

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

Bangi: Naratif sejarah sastera Melayu kerap mencieirkan perbincangan mengenai tokoh seperti Raja Ali Haji juga perkembangan sastera Melayu Kristian disebabkan pendekatan kebanyakan sarjana yang cenderung menggunakan pendekatan diakronik sehingga banyak fakta tidak diterokai secara kritis.

Hal ini menyebabkan watak seperti Munshi Abdullah lebih diperkatakan walaupun tulisan yang dihasilkan lebih cenderung memenuhi selera Barat.

Keadaan ini juga menyebabkan perkembangan sejarah sastera di Negeri Selat pada abad ke-19 menjadi suatu zaman kontang.

Pensyarah Universiti Sains Sosial Singapura (SUSS), Dr Noridah Kamari, berkata pendekatan diakronik bermaksud tinjauan

berdasarkan sudut sejarah perkembangannya dan ia jauh berbeza dengan kaedah sinkronik iaitu tinjauan berdasarkan peristiwa atau fenomena yang terjadi dalam tempoh tertentu tanpa mengambil kira perkembangannya.

"Naratif sejarah sastera sedia ada hanya menumpukan perhatian kepada Munshi Abdullah sebagai bapa sastera Melayu moden tanpa membicarakan mengenai penulis sezaman dengannya termasuk Raja Ali Haji.

"Sedangkan barisan pengarang ini tidak mengikuti corak penulisan Munshi Abdullah yang bersifat autobiografi.

"Ini sekali gus menunjukkan genre penulisan baharu yang dimulakan sebenarnya tidak mempunyai pengikut dan ditulis untuk khalayak barat semata-mata," katanya dalam pembentangan Yang Terlepas, Tersisih dan Terasing: Kajian Bandingan Penulisan Sejarah Sastera di Nusantara pada Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan Mastera XXII 2019 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof Datuk Dr Mohamed Hatta Shahrom; Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, Prof Dr Supyan Hussin dan Sas-



Noridah Kamari

terawan Negara (SN), Datuk Dr Zurinah Hassan.

Noridah berkata, pendekatan bersifat intisari, kompilasi dan susunan dalam diakronik tanpa kritikan yang mendalam menyebabkan penulisan sejarah sastera dalam bentuk ini tidak memaknakan sejarah selain tidak memberi kritikan dari sudut sastera.

Sedangkan, pendekatan sinkronik, iaitu penyorotan mikro yang memerihai dan mewacanakan sistem kesusasteraan pada satu-satu masa akan memberi gambaran lebih jelas mengenai zaman abad ke-19 yang kelihatan terasing dan janggal dalam penulisan sejarah sastera Melayu diakronik yang konvensional.

Kekontangan karya Melayu pada abad ke-19 juga kata Noridah dikaitkan dengan kelahiran karya

sastera berbau Kristian dihasilkan dengan banyak di negeri Selat.

"Dalam tempoh antara tahun 1826 hingga 1946 terdapat karya sastera tulisan mubaligh Kristian yang dikarang atau diterjemahkan ke bahan Melayu, termasuk cerita teladan, doa, sejarah agama dan cerita tokoh Kristian daripada kitab Injil.

"Dalam konteks negeri Selat, tulisan yang mengagungkan Barat seperti dilakukan Munshi Abdullah mendapat tempat dan diangkat menjadi kanun mewakili zaman itu.

"Bagaimanapun memandangkan Kristian tidak pernah menjadi agama utama masyarakat Melayu, karya sastera berbau Kristian sering kali tidak diperkatakan dalam perbincangan sejarah sastera Melayu yang diakronik," katanya.

Menurut Noridah, sejarah sastera mempunyai *horizon of expectation* atau maklumat yang berbeza dan tersendiri menyebabkan penulisan sejarah sastera perlu peka selain berubuh mengikut perkembangan masa.

Dalam penulisan sejarah sastera, setiap karya diangkat sebagai sebuah peristiwa sejarah dan tugas sejarah sastera ialah memberikan makna kepada karya itu mengikut konteks sejarah melalui

pendekatan diakronik bersifat makro.

"Walaupun pendekatan berasaskan zaman (periodisasi) mampu memberi pandangan meluas mengenai perubahan sastera di atas tali masa yang panjang namun ada perkara tertentu yang disisihkan secara sedar dalam usaha menghasilkan naratif sejarah yang tekal dan tersusun.

"Ini menyebabkan tidak semua lapisan realiti yang berlaku pada masa itu dapat disampaikan dengan terperinci.

"Disebabkan itu, ada peristiwa dan karya yang akhirnya tercieir terpinggir dan terasing kerana tidak menepati kehendak naratif misalnya hal karya sastera berbau Kristian yang tidak diperkatakan dalam perbincangan sejarah sastera Melayu kerana ia tidak menepati naratif penceritaan yang diakronik," katanya.

Bagaimanapun, melalui pendekatan sinkronik terhadap sejarah sastera Melayu pada abad ke-19, penyimpangan yang tenggelam dalam pendekatan diakronik dapat dilihat dengan jelas.

Noridah berkata, penolakan sub genre sastera Melayu Kristian dalam penulisan sejarah sastera pada ketika itu adalah usaha sarjana sastera Melayu melawan pengaruh budaya oleh mubaligh Kristian.